


Berita Manmin

NO. 46 16 NOVEMBER 2025

Orang yang Telah Bertemu Tuhan



*Dunia yang indah yang diciptakan oleh Tuhan...
Semuanya ialah anugerah kasih yang telah diberikan oleh-Nya kepada kita*



Saya sembuh hanya dalam tiga bulan setelah diagnosis diabetes secara tiba-tiba

Kyung-sook Jeon | Perempuan, 57 tahun, Gwangju, Wilayah Gyeonggi

Pada bulan Mei tahun ini, saya telah didiagnosis menghidap diabetes apabila paras hemoglobin A1c saya mencecah 7. Hemoglobin A1c merujuk kepada hemoglobin yang bergabung dengan gula dalam sel darah merah, dan apabila paras gula dalam darah kekal tinggi, paras hemoglobin juga akan meningkat. Cara ini digunakan secara meluas untuk mendiagnosis diabetes, dan julat normal adalah antara 4.0 hingga 6.0. Paras 6.5 atau lebih tinggi menunjukkan diabetes, tetapi paras hemoglobin saya telah meningkat hingga 7.

Walaupun saya berasa cemas, saya mendengar berita tentang Retret Musim

Panas Manmin. Terasa seolah-olah Tuhan Bapa telah menghantar jempunan istimewa kepada saya. Saya berdoa dan berpuasa, mempersiapkan diri untuk retret tersebut dengan kerinduan yang sungguh-sungguh untuk bertemu dengan Tuhan di sana.

Pada 4 Ogos, hari pertama retret, saya merasakan beban yang berat dalam hati saya diangkat satu demi satu ketika mendengar khutbah semasa ibadah pembukaan. Semasa seminar, melalui khutbah oleh Pastor Soojin Lee dan doa untuk orang sakit, saya menyedari betapa lama saya telah ditekan oleh rasa cemas dan menyimpan kekecewaan terhadap orang di sekeliling saya. Saya bertaubat dengan air mata yang mengalir dengan segenap hati.

Kemudian, kedamaian melingkupi hati saya, dan saya mempersembahkan doa kesyukuran. Apabila hati saya menjadi tenang, pandangan saya terhadap orang lain juga berubah — pemikiran seperti “Saya menderita kerana orang itu” hilang. Setelah menghadiri retret yang dipenuhi oleh kasih kurnia Tuhan itu, saya kembali ke hospital untuk menjalani ujian semula.

Keputusan menunjukkan bahawa hemoglobin A1c saya, yang sebelumnya 7 sebelum retret, telah turun kepada 5.9 — dalam julat normal. Haleluyah! Angka ini bahkan lebih rendah daripada angka 6.5 yang saya harapkan. Saya mengucapkan kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa kita yang baik, yang telah menyembuhkan saya daripada diabetes.

Sembuh daripada penyakit Behcet, penyakit yang tidak dapat diubati yang saya deritai selama 27 tahun.

Jung-nam Heo | Perempuan, 61 tahun, Guro-gu, Seoul

Sejak tahun 1998, saya telah menderita penyakit Behcet, iaitu satu gangguan autoimun sistemik yang puncanya tidak diketahui, dicirikan oleh vasculitis berulang yang menjejaskan pelbagai organ. Jika keradangan berlaku pada mata, ia boleh menyebabkan buta. Komplikasi neurologi seperti lumpuh juga boleh terjadi; dan dalam situasi yang teruk boleh menyebabkan aorta atau usus pecah serta kerosakan pada sistem saraf pusat bahkan boleh menyebabkan kematian.

Disebabkan penyakit ini, kulit kepala saya sentiasa dipenuhi lepuh, dan setiap kali saya menyentuh rambut saya, nanah dan darah akan mengalir keluar. Mata saya sentiasa merah, mulut saya penuh luka, dan tonsil saya membengkak membentuk ketulan seperti gugusan anggur. Pada lengan, kaki, dan punggung saya, terbentuk ketulan keras yang besar di bawah kulit. Pada setiap kali saya duduk di atas kerusi, saya akan menjerit "Ah!" lalu terdorong ke belakang kerana kesakitan.

Terdapat juga ulser di dalam rahim dan dubur saya. Pada suatu hari, keradangan muncul pada lidah saya sehingga sukar untuk makan atau bercakap. Pada waktu itu, saya terpaksa berkomunikasi dengan keluarga melalui tulisan. Walaupun saya lapar dan sudah menyediakan makanan, saya tidak dapat makan, jadi saya banyak menangis.

Ketulan pada badan saya sering timbul dan surut berulang kali, menyebabkan



sel-sel kulit di sekitarnya mati. Kulit menjadi lekuk dan berwarna keunguan. Walaupun setelah bertahun-tahun, kulit yang rosak itu tidak pulih atau sembuh, dan kekal berwarna merah gelap.

Untuk mengelakkan pandangan orang lain, saya terpaksa memakai dua lapis stoking walaupun pada musim panas yang panas. Menderita begitu lama, saya pergi ke hospital universiti pada bulan November 2006 untuk mendapatkan rawatan, tetapi doktor memberitahu saya bahawa penyakit ini tidak dapat diubati. Dia menjelaskan bahawa walaupun ubat antiradang boleh melegakan kesakitan buat sementara, simptomnya akan kembali semula.

Dalam kesakitan seperti itu, saya mendaftar di Gereja Pusat Manmin pada tahun 2007 dan mula menghadiri Perjumpaan Doa Daniel pada setiap malam tanpa terlepas satu hari pun. Walaupun saya sukar sekali untuk membuka mulut saya, saya tetap berdoa

dengan sungguh-sungguh dengan berkata, "Bapa, saya ingin menunaikan tugas saya dengan kaki yang sihat dan kulit yang bersih." Saya mencari hal-hal untuk saya bertaubat dan bersungguh-sungguh melakukannya.

Untuk menjadi lebih setia, saya mengambil cuti pada setiap hari Jumaat dan menemani ketua paroki saya melakukan lawatan rumah. Walaupun saya hanya bertanggungjawab atas kawasan Guro, saya turut mengikuti ketua paroki melawat anggota gereja di bandar dan daerah lain juga.

Perjalanan jauh sangat menyakitkan kerana ketulan pada punggung saya, namun saya tetap berusaha menunaikan tugas saya dengan penuh kesyukuran. Kemudian, pada suatu hari pada tahun 2025, ketika saya sedang sibuk menjalani kehidupan harian, kesakitan itu tiba-tiba hilang — saya sendiri tidak sedar bila hal itu berlaku! Saya segera memeriksa tubuh saya dan mendapati bahawa kulit yang gelap telah menjadi bersih, dan ketulan keras itu hilang dengan sepenuhnya!

Penyakit yang tidak dapat diubati dan telah menyiksa saya selama 27 tahun telah sembuh sepenuhnya. Haleluyah! Kini saya sangat bersyukur kerana saya dapat memakai hanya sepasang stoking, dan saya benar-benar bahagia kerana telah bebas sepenuhnya daripada kesakitan. Saya mengucapkan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa yang telah mengabulkan keinginan hati saya dan menyembuhkan saya.



Perjumpaan Kesembuhan Ilahi

Peluang Istimewa untuk Kesihatan dan Kebahagiaan anda!

Kesembuhan dan jawapan yang melimpah melalui karya Roh Kudus yang penuh kuasa!

Sertailah kami dan alami mukjizat baru yang akan berlaku dalam hidup anda!

Semasa Ibadat Sepanjang Malam Hari Jumaat pada 28 November, jam 11 malam

Pengkhotbah:

Pastor Kanan Dr. Soojin Lee

Siaran langsung melalui GCN TV! (www.gcntv.org)

Ligamen bahu saya yang koyak telah sembuh sepenuhnya, kini saya kembali bekerja.

Ko Hee-cheol | Lelaki, 67 tahun, Icheon, Wilayah Gyeonggi

Pada tahun 2023, ketika saya sedang bekerja di tapak pembinaan, saya tiba-tiba merasakan sakit yang tajam dan teruk pada bahu kanan saya, sehingga saya tidak dapat mengangkat bahu saya dengan baik. Pada mulanya, saya menyangka bahawa itu hanya sakit biasa, tetapi apabila kesakitan itu semakin teruk, saya pergi ke hospital dan menjalani imbasan MRI. Doktor berkata, “Bagaimanakah kamu dapat bekerja dengan lengan seperti ini?” lalu memberitahu saya bahawa ligamen saya telah terkoyak.

Namun begitu, oleh sebab saya mempunyai banyak kerja yang perlu saya siapkan pada tahun itu, saya tiada pilihan selain terus bekerja walaupun dengan lengan yang cedera. Lama-kelamaan, kesakitannya semakin teruk sehingga saya tidak dapat lagi mengangkat bahu saya. Pada tahun 2024, saya kembali ke hospital untuk satu lagi imbasan MRI, dan hasilnya menunjukkan bahawa ligamen yang berfungsi untuk mengangkat bahu telah hilang.

Doktor menjelaskan bahawa terdapat empat ligamen pada sendi bahu, dan ligamen yang digunakan untuk mengangkat bahu telah terkoyak serta menghilang, dan tidak mungkin pulih. Walaupun saya menjalani pembedahan menggunakan ligamen buatan daripada tendon babi, kadar kejayaannya hanya sekitar 30%.

Saya menerima diagnosis yang sama di beberapa hospital yang lain, bahkan pihak perubatan juga mengakui bahawa tiada rawatan yang pasti. Oleh sebab



saya tidak dapat mengangkat lengan kanan, saya terpaksa menyokong siku kanan saya dengan tangan kiri saya ketika makan. Oleh sebab saya sama sekali tidak dapat mengangkat bahu, bukan sahaja kehidupan harian menjadi sukar, malah pekerjaan saya di tapak pembinaan juga tidak dapat diteruskan.

Walau bagaimanapun, saya berterusan setia melayani dengan membawa anggota baru ke gereja pada setiap hari Ahad, beribadat dan berdoa dengan bersungguh-sungguh. Dalam setiap ibadat, saya dengan tekun menerima doa kesembuhan daripada Pastor Soojin Lee. Setiap pagi dan petang, saya juga menerima doa rakaman daripada Pastor Emeritus Dr. Jaerock Lee dan Pastor Soojin Lee.

Kemudian, pada 4 Ogos 2025, hari pertama Retret Musim Panas

Manmin, ketika saya sedang memandu menuju lokasi retret, saya secara santai mengangkat lengan saya dan tiba-tiba menyadari bahawa lengan saya terangkat dengan mudah! Dalam retret itu, saya sangat tersentuh oleh khutbah Pastor Soojin Lee dan menerima doa beliau untuk orang sakit. Keesokan harinya, saya menyertai Ibadat Pujian Kuasa dan mempersembahkan pujian dengan hati yang penuh sukacita dan kasih kurnia.

Selepas menamatkan retret dengan hati yang gembira dan kembali kepada kehidupan harian, saya sedar bahawa pada suatu ketika bahawa kesakitan itu telah hilang secara beransur-ansur tanpa saya sedari. Saya tidak menyadari bahawa kesakitan itu telah lenyap sepenuhnya sehinggalah pada suatu hari isteri saya bertanya, “Abang, lengan abang tidak sakit lagi?” Barulah saya sedar bahawa saya telah sembuh dengan sepenuhnya!

Kini saya dapat menggerakkan lengan saya dengan bebas, bahkan ketika saya mengangkatnya ke belakang kepala — sesuatu yang dahulu mustahil dapat saya lakukan — saya tidak merasakan sebarang kesakitan. Tiada lagi ketidakselesaan dalam kehidupan harian saya. Haleluyah! Kini saya bekerja semula di tapak pembinaan, dengan lebih kuat dan sihat daripada sebelumnya. Saya memberikan kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa kita yang baik, yang telah sepenuhnya menyembuhkan ligamen bahu saya yang terkoyak, yang dikatakan oleh doktor bahawa mustahil untuk dipulihkan.



‘Hanya Alkitab’ oleh Pastor Soojin Lee disiarkan melalui YouTube dalam pelbagai bahasa

Ia menyampaikan surat kasih Tuhan yang tersembunyi dalam Kitab Suci dan kasih Tuhan yang melimpah-limpah



Dialih suara dalam 6 bahasa (Inggeris, Cina, Jepun, Sepanyol, Rusia, dan Perancis) dan **disarikatakan dalam 13 bahasa** (Korea, Inggeris, Cina, Jepun, Sepanyol, Rusia, Perancis, Urdu, Hindi, Swahili, Tamil, Romania, dan Ibrani).

** Anda dapat menonton ‘Hanya Alkitab’ hanya dengan mengimbas kod QR.

Tujuh Ayat Terakhir di Kayu Salib (3)

“Puan, dia anak puan. ...Dia ibumu”

Dalam Yohanes 19:26–27, kita melihat bahawa Yesus berkata kepada Maria, ibu-Nya yang sedang meratap atas penyaliban-Nya supaya menganggap Yohanes sebagai anaknya, dan meminta Yohanes, sebagai anak Tuhan, untuk menjaga Maria seolah-olah Maria ialah ibunya sendiri.

Mengapa Yesus Memanggil Maria “Puan”?

Perkataan “ibu” digunakan dari sudut pandang pengikut Yesus iaitu Yohanes. Namun begitu, mengapakah Yesus tidak memanggil orang yang melahirkan-Nya sebagai “Ibu,” sebaliknya berkata “Puan”? Dalam Yohanes bab 2, kita menemukan mukjizat pertama yang dilakukan oleh Yesus setelah memulakan pelayanan umum-Nya — mengubah air menjadi wain.

Terdapat satu majlis perkahwinan di kota Kana di negeri Galilea, dan Yesus serta pengikut-pengikut-Nya turut diundang. Apabila wain sudah habis, Maria berkata kepada Yesus, “Mereka kehabisan wain.” Yesus menjawab, “Puan, janganlah suruh Aku. Saat-Ku belum tiba.”

Maria berkata kepada Yesus kerana dia berasa kasihan melihat wain sudah habis dan ingin membawa sukacita kepada para tetamu di majlis perkahwinan itu. Namun begitu, Yesus menjawab sedemikian kerana waktu untuk menyatakan diri-Nya sebagai Mesias belum tiba. Secara rohani, tindakan membuat wain melambangkan penumpahan darah Yesus yang berharga di kayu salib. Oleh itu, Yesus menegaskan

“Yesus nampak ibu-Nya dan pengikut yang dikasihi-Nya berdiri di situ.

Oleh itu Yesus berkata kepada ibu-Nya, ‘Puan, dia anak puan.’ Kemudian Yesus berkata kepada pengikut itu, ‘Dia ibumu.’ Sejak itu, ibu Yesus tinggal di rumah pengikut itu.”

Yohanes 19:26–27

bahawa pada masa itu, ketika pelayanan umum-Nya baru sahaja bermula, saat untuk Dia memikul salib dan menumpahkan darah-Nya masih belum tiba.

Seperti yang dapat kita lihat, sehingga Dia menyempurnakan ketentuan penyelamatan melalui salib dan menamatkan pelayanan umum-Nya di bumi, Yesus memanggil Maria sebagai “Puan” untuk menyatakan bahawa Dia datang ke dunia ini sebagai Penyelamat. Yesus ialah salah satu daripada Tuhan Tritunggal.

Sebagai Anak Tuhan, Yesus ialah “Yang Pertama dan Yang Terakhir” (Wahyu 1:7; 2:8). Oleh itu, Dia tidak mempunyai seorang ibu. Atas sebab ini, memanggil Maria sebagai “ibu suci Tuhan” atau membuat patung menyerupainya dan menyembahnya tidak sejajar dengan kebenaran (Keluaran 20:4).

Yesus Menyedarkan Kita tentang Kepunyaan Rohani

Yesus menghibur Maria yang sedang menderita kesedihan yang tidak tertanggung, dan mengajar pengikut bernama Yohanes untuk menjaga Maria sebagai ibunya sendiri. Di tengah-tengah penderitaan di kayu salib, kita bahkan dapat merasakan kasih Yesus yang prihatin tentang apa yang akan terjadi selepas kematian-Nya.

Yesus dengan jelas juga mengingatkan kita tentang rasa kepunyaan kita sebagai saudara, saudari, dan satu keluarga dalam iman. Dalam Matius 12:50, Yesus berkata, “Sesiapa melakukan kehendak Bapa-Ku yang di syurga, orang itu saudara lelaki, saudara perempuan, dan ibu-Ku,” mengajar kita tentang konsep keluarga rohani. Sesungguhnya, apabila kita menerima Yesus Kristus dan bertumbuh dalam iman, rasa kepunyaan kita terhadap Kerajaan Syurga menjadi semakin jelas, dan kita akan mendapati bahawa saudara dan saudari seiman lebih berharga daripada keluarga jasmani kita sendiri.

Itulah sebabnya Yesus berkata dalam Matius 23:9, “Janganlah panggil sesiapa pun di dunia ini ‘Bapa,’ kerana kamu hanya mempunyai satu Bapa yang di syurga.” Hal ini tidak bermaksud bahawa kita harus menjauhkan diri daripada ibu bapa atau saudara yang belum percaya. Jika kita benar-benar mengasihi keluarga jasmani kita, kita seharusnya memberitakan Injil kepada mereka agar mereka juga dapat menjadi sebahagian daripada keluarga rohani kita.

< Bersambung... >